

1. Puan Zainah bersikap _____ kerana menyebelahi rakan baiknya walaupun telah _____ rakan baiknya itu telah melakukan kesalahan.

- ☐ A berat sebelah
- ☐ B lepas tangan
- ☐ C atas pagar
- ☐ D berat hati

2.

seperti katak di bawah tempurung

Peribahasa di atas bermaksud...

- ☐ A sudah tidak berdaya untuk berusaha.
- ☐ B melupakan kebaikan orang kepadanya.
- ☐ C memiliki pengetahuan yang amat sedikit.
- ☐ D orang yang menyembunyikan kelebihannya.

3.

Dia tidak tahu apa-apa, cuma menurut sahaja kehendak orang lain.

Peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan situasi di atas ialah...

- ☐ A seperti ayam berak kapur.
- ☐ B seperti kerbau dicucuk hidung.
- ☐ C seperti rusa masuk ke kampung.
- ☐ D seperti katak di bawah tempurung.

4. Hayati lebih gemar mengisi masa lapangnya dengan membaca buku daripada melakukan aktiviti yang tidak berfaedah kerana _____.

- ☐ A ilmu pelita hati
- ☐ B masa itu emas
- ☐ C muafakat itu berkat
- ☐ D bertangguh itu pencuri masa

5. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Lina yang cemerlang dalam pelajaran menjadi murid kesayangan guru kelasnya.

- ☐ A anak emas
- ☐ B bidan terjun
- ☐ C anak angkat
- ☐ D ayam tambatan

6. Lelaki yang _____ itu diserahkan kepada pihak polis selepas ditangkap mencuri di sebuah pasar raya.

- ☐ A curi tulang
- ☐ B besar kepala
- ☐ C cepat tangan
- ☐ D kacang hantu

7. Akhirnya _____ Puan Chan hendak bermenentukan anak Puan Sei, rakan baiknya

- ☐ A kecil hati
- ☐ B pilih kasih
- ☐ C sampai seru
- ☐ D sampai hajat

8. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Kumpulan perompak itu akhirnya tumpas juga setelah pihak polis berjaya menjejaki kesemua anggota kumpulan itu.

- ☐ A sekali jalan terkena, dua kali jalan tahu
- ☐ B seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit
- ☐ C sepandai-pandai tupai melompat, sekali terjatuh juga
- ☐ D sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna

9. Janganlah kamu memandang rendah akan kebolehannya bermain badminton kerana dia _____.

- ☐ A seperti tikus jatuh di beras
- ☐ B seperti pipit menelan jagung
- ☐ C seperti mengajar itik berenang
- ☐ D seperti harimau menyembunyikan kukunya

10. Pegawai daerah itu baru sahaja berpindah ke kampung ini tetapi dia disukai oleh penduduk kampung. Bak kata pepatah _____.

- ☐ A di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- ☐ B seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit
- ☐ C kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau
- ☐ D yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang

11. Maksud peribahasa "air yang tenang jangan disangka tiada buaya" ialah _____.

- ☐ A setiap orang tentu pernah melakukan kesalahan
- ☐ B kejahatan yang besar tidak dapat disembunyikan
- ☐ C kalau mengerjakan sesuatu janganlah sekerat jalan
- ☐ D jangan menyangka orang yang pendiam tidak berani

12. Fatin lemah dalam pelajaran tetapi berkat kerajinannya mengulang kaji pelajaran, akhirnya dia memperoleh kejayaan yang cemerlang. Bak kata pepatah _____.

- ☐ A belum duduk sudah berlunjur
- ☐ B batu direbus masakan empuk
- ☐ C hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- ☐ D belakang parang kalau diasah nescaya tajam

13.

Jika ular menyusur akar, tiada hilang bisanya



Peribahasa di atas memberikan pengajaran kepada kita supaya...

- ☐ A bersopan santun terhadap sesiapa sahaja.
- ☐ B bersikap rendah diri dengan orang bawahan.
- ☐ C berwaspada sebelum mendapat apa-apa bencana.
- ☐ D bersikap bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

14. Cikgu Yatim tidak dapat membaca karangan yang dihantar Salleh kerana tulisannya _____.

- ☐ A halus seperti kuman
- ☐ B kecil seperti semut
- ☐ C liat seperti getah
- ☐ D kurus seperti lidi

15. Puan Rahmah tidak mahu mendengar apa-apa pun alasan daripada pekerjaanya jika mereka tidak menyiapkan kerja kerana baginya _____.

- ☐ A ringan tulang, berat perut
- ☐ B berani kerana benar, takut kerana salah
- ☐ C hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- ☐ D masuk ke telinga kanan, keluar ke telinga kiri

16. Mereka berjanji tidak akan menceritakan apa-apa yang berlaku kepada orang lain. Jika terbongkar, polis akan menangkap mereka.

Peribahasa yang menggambarkan situasi di atas ialah...

- ☐ A biar genting, jangan putus.
- ☐ B sepakat kita kuat, berpecah kita rebah.
- ☐ C biar pecah di perut, jangan pecah di mulut.
- ☐ D sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga.

17. Izham merupakan _____ kepada kelab bola sepak sekolahnya untuk menjaringkan gol dalam perlawanan itu.

- ☐ A orang besar
- ☐ B kaki bangku
- ☐ C darah muda
- ☐ D ayam tambatan

18. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Shikin telah diselamatkan oleh Wahid daripada diragut oleh sekumpulan remaja. Sudahlah enggan berterima kasih, Shikin menuduh Wahid pula yang merancang kejadian itu.

- ☐ A bagai duri dalam daging
- ☐ B seperti gunting makan di hujung
- ☐ C bagai melepaskan anjing tersepit
- ☐ D seperti mencurahkan air ke daun keladi

19. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Hafzan tidak sanggup lagi untuk hidup susah di kampung. Dia hendak mengadu nasib di Kuala Lumpur. Sekiranya dia bernasib baik, dia akan memperoleh kejayaan dan begitu jugalah sebaliknya.

- ☐ A untung sabut timbul, untung batu tenggelam
- ☐ B yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran
- ☐ C siapa cepat dapat dahulu, siapa kemudian putih mata
- ☐ D yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang

20. Dia hidup _____ selepas ibu bapanya meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya tahun lepas.

- ☐ A setengah hati
- ☐ B sebatang kara
- ☐ C kucing bertanduk
- ☐ D mabuk kepayang